

**PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN MODUL PEMBELAJARAN
KADAR KENDIRI : PEMBANGUNAN KEMAHIRAN DALAM
PENYELIDIKAN**

AZRINA BINTI AHMAD

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER, 2002

Teristimewa buat suami tercinta HARIZAN BIN BAHARUDIN

*Terima Kasih Di Atas Segalanya...
Tiada Harta Di Dunia Ini Yang Setara Nilainya
Dengan Pengorbanan Yang Telah Dilakukan*

*Buat Mak dan Ayah
Terima Kasih Atas Segala-galanya*

*Tidak Lupa Kepada Adik Beradik serta Keluarga Mertua...
Terima Kasih Atas Sokongan Yang Diberikan*

*Buat Rakan-Rakan Seperjuangan...
Hargailah Detik-Detik Kita Bersama*

KEJAYAAN INI ADALAH MILIK KITA BERSAMA...



PTTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dipanjatkan kesyukuran kepada yang Maha Esa di atas limpah rahmatNya yang berpanjangan, memberikan keizinan untuk saya menyiapkan kajian ini dengan jayanya. Semoga dengan sedikit usaha yang saya lakukan untuk menimba ilmu dunia dapat memberikan seribu rahmat dalam kehidupan dunia dan kehidupan akhirat.

Ucapan setinggi -tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah pembimbing , Dr Noraini Kaprawi di atas bimbingan dan komitmen yang diberikan sepanjang penghasilan projek sarjana. Ucapan terima kasih juga kepada responden-responden yang memberikan kerjasama sepenuhnya sepanjang kajian ini dijalankan.

Seterusnya penghormatan juga kepada keluarga, rakan-rakan dan sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di atas dorongan, teguran dan nasihat yang berguna supaya kajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya.

ABSTRAK

Modul Pembelajaran Kadar Kendiri (MPKK) merupakan satu media pengajaran yang mengandungi unit-unit aktiviti yang dibentuk untuk membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini adalah bertujuan untuk menilai sejauh mana MPKK Pembangunan Kemahiran Dalam Penyelidikan dapat membantu pensyarah dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran dari aspek kesesuaian isi kandungan, kesesuaian aktiviti, tahap kebolehlaksanaan dan mesra pengguna. Responden untuk kajian ini terdiri daripada 15 orang pensyarah yang menyelia projek sarjana dan 40 orang pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional semester 3 yang dipilih secara rawak. Untuk kajian ini, instrumen yang digunakan ialah jenis soal selidik di mana penilaian dilakukan berdasarkan kepada persepsi responden terhadap MPKK serta menjalankan sesi temubual dengan beberapa orang pensyarah. Data -data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) Version 10.0* yang melibatkan skor min dan ujian t (*Independent t test*). Dapatan kajian menunjukkan isi kandungan MPKK adalah memenuhi keperluan MPKK berdasarkan kepada skor min yang berada pada tahap yang tinggi (skor min =3.87). Namun begitu, tahap kesesuaian aktiviti dalam modul adalah pada tahap yang sederhana (skor min = 3.78). Walau bagaimanapun, tahap kebolehlaksanaan modul (skor min = 3.91) dan tahap mesra pengguna (skor min = 3.88) adalah berada pada tahap yang tinggi. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pensyarah dan pelajar terhadap kesesuaian isi kandungan, kesesuaian aktiviti, kebolehlaksanaan dan mesra pengguna. Oleh itu, hasil kajian menunjukkan MPKK Pembangunan Kemahiran Dalam Penyelidikan dapat membantu pensyarah dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji mencadangkan supaya MPKK ini dimurnikan ke dalam bentuk *web* untuk memudahkan para pengguna memperoleh maklumat.

ABSTRACT

Self Learning Module is a teaching media which contain activity units to enhance teaching and learning process. This study attempted to evaluate the effectiveness of the Skill Development in Research Self Learning Module in the aspect of teaching and learning activities in terms of adaptability of the content and activities, the level of viability and user friendliness characteristics. Respondents for this study consist 15 lecturers who supervise research students and 40 students of Master in Technical and Vocational Education which were chosen randomly. By using questionnaires, the evaluation were based on the perception of respondents towards the module. The data was also collected from interview session with several lecturers. The data collected were then analyzed by using 'Statistical Packages for Social Sciences' (SPSS) version 10.0 which were represented by mean scores and t test function. The findings show that in terms of the content, the viability of the module and user friendliness characteristic were at a high level. In terms of the module activities on the other hand, was at moderate level. The hypothesis testing indicated that there was no statistical significant differences between lecturers and students perception towards the activities, adaptability of content, viability and user friendliness. The findings also revealed that this Skill Development Research Self Learning Modules could help lecturers and student in teaching and learning process. The researcher proposed to upgrade the module to web base for easy access by every user.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1	Pengenalan	1
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.4 Persoalan Kajian	4
	1.5 Hipotesis Kajian	5
	1.6 Objektif Kajian	5
	1.7 Kerangka Teori	6
	1.8 Kepentingan Kajian	7
	1.9 Skop Kajian	7

1.10	Batasan Kajian	8
1.11	Definisi Istilah dan Pengoperasian	8
1.11.1	Modul	8
1.11.2	Pengajaran	8
1.11.3	pembelajaran	9
1.11.4	Pengajaran dan Pembelajaran	9
1.11.5	Modul Pembelajaran Kadar Kendiri	9
1.11.6	Pembangunan	10
1.11.7	Kemahiran	10
1.11.8	Penyelidikan	10
1.11.9	Isi Kandungan	10
1.11.10	Aktiviti Dalam Modul	11
1.11.11	Kebolehlaksanaan	11
1.11.12	Mesra Pengguna	12
BAB II	SOROTAN KAJIAN	13
2.1	Pendahuluan	13
2.2	Kepentingan Teknologi Pendidikan	13
2.3	Pembelajaran Bermodul	14
2.4	Modul Pembelajaran Kadar Kendiri	16
2.5	Proses Pembelajaran Bermodul	17
2.6	Ciri-ciri Pengajaran dan Pembelajaran menggunakan Modul	18
2.7	Garis Panduan Penulisan Modul	19
2.8	Kebaikan Pembelajaran Secara Modul	19
2.8.1	Pensyarah	19
2.8.2	Pelajar	20
2.9	Perbezaan Antara Pembelajaran Tradisional dan Pembelajaran Bermodul	21
2.10	Sorotan Kajian Lepas	22
2.11	Rumusan	24

BAB III	METODOLOGI KAJIAN	25
3.1	Pendahuluan	25
3.2	Rekabentuk Kajian	25
3.3	Persampelan	26
3.4	Instrumen Kajian	26
	3.4.1 Borang Soal Selidik	26
	3.4.2 Temubual	28
3.5	Kajian Rintis	28
	3.5.1 Temubual	28
	3.5.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan	29
3.6	Analisis Data	30
3.7	Kronologi Kajian	31
3.8	Rumusan	32
BAB IV	REKABENTUK DAN PENILAIAN PRODUK	33
4.1	Pendahuluan	33
4.2	Latar Belakang Teori Penghasilan Produk	33
4.3	Rekabentuk Produk	34
	4.3.1 Bentuk dan Ciri-Ciri Produk	35
	4.3.2 Kronologi Pembinaan Produk	35
	4.3.3 Permasalahan Dalam Pembinaan Produk	41
	4.3.4 Kos dan Masa Membina Produk	41
4.4	Penilaian Produk	42
	4.4.1 Pemilihan dan Pembinaan Instrumen	
	Menilai Produk	42
	4.4.2 Pemilihan Subjek / Sampel Kajian	43
	4.4.3 Fokus Penilaian	43
4.5	Cadangan Pembaikan	43

BAB V	ANALISIS DATA	44
5.1	Pendahuluan	44
5.2	Latar Belakang Responden	45
5.2.1	Taburan Responden Mengikut Status Dan Jantina	45
5.2.2	Taburan Responden Berdasarkan Kepada Kelulusan Akademik	46
5.2.3	Taburan Responden Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan	46
5.2.4	Latar Belakang Responden Temubual	47
5.3	Prosedur Menganalisis Data	47
5.4	Dapatan Kajian	48
5.4.1	Persoalan Kajian 1	49
5.4.2	Persoalan Kajian 2	51
5.4.3	Persoalan Kajian 3	53
5.4.4	Persoalan Kajian 4	54
5.5	Pengujian Hipotesis	56
5.5.1	Hipotesis 1	56
5.5.2	Hipotesis 2	57
5.5.3	Hipotesis 3	58
5.5.4	Hipotesis 4	59
5.6	Ulasan dan Komen	59
5.7	Rumusan	60
BAB VI	PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN	61
6.1	Pendahuluan	61
6.2	Perbincangan dan Kesimpulan	62
6.2.1	Latar Belakang Responden	62
6.2.2	Kesesuaian Isi Kandungan MPKK	62
6.2.3	Kesesuaian Aktiviti Dalam MPKK	63

6.2.4	Kebolehlaksanaan Dalam Membantu Proses P&P	64
6.2.5	Mesra Pengguna Dalam Meningkatkan Penggunaan MPKK	64
6.3	Cadangan	66
6.3.1	Cadangan Untuk KUiTTHO/ POLITEKNIK	66
6.3.2	Cadangan Untuk Kajian Selanjutnya	67
6.4	Rumusan	67
6.5	Penutup	68

RUJUKAN

70

LAMPIRAN A - G

74



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Hasil Kajian Rintis	29
3.2	Kaedah Penganalisaan Data Berdasarkan Kepada Persoalan Kajian dan Hipotesis	30
5.1	Taburan Responden Mengikut Status dan Jantina	45
5.2	Taburan Responden Berdasarkan Kelulusan Akademik	46
5.3	Taburan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan	46
5.4	Latar Belakang Pensyarah	47
5.5	Tahap Kesesuaian Isi Kandungan dalam MPKK	49
5.6	Skor Min dan Tahap Kesesuaian Isi Kandungan dalam MPKK	50
5.7	Tahap Kesesuaian Aktiviti Dalam MPKK	51
5.8	Skor Min dan Tahap Kesesuaian Aktiviti dalam MPKK	52
5.9	Tahap Kebolehlaksanaan MPKK	53
5.10	Skor Min dan Tahap Kebolehlaksanaan MPKK	54
5.11	Tahap Mesra Pengguna Dalam MPKK	54
5.12	Skor Min Berdasarkan Kepada Tahap Mesra Pengguna	55
5.13	Perbezaan Antara Pensyarah dan Pelajar Terhadap Penilaian Isi Kandungan MPKK	56
5.14	Perbezaan Antara Pensyarah dan Pelajar Terhadap Penilaian Aktiviti dalam MPKK	5.7

5.15	Perbezaan Antara Pensyarah dan Pelajar Terhadap Penilaian Kebolehlaksanaan Modul	58
5.16	Perbezaan Antara Pensyarah dan Pelajar Terhadap Penilaian Ciri-Ciri Mesra Pengguna	59
5.17	Maklum Balas Daripada Responden	60



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori	6
2.1	Proses Pembelajaran Bermodul	17
3.1	Carta Alir Kronologi Kajian	31
4.1	Carta Alir Rekabentuk dan Pembinaan Modul	36



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN

KUITTHO	:	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
MPKK	:	Modul Pembelajaran Kadar Kendiri
PTV	:	Pendidikan Teknik dan Vokasional
P&P	:	Pengajaran dan Pembelajaran
INSPIRE	:	Integrated System of Programmed Instruction Suited for Rural Enviroment
JPTV	:	Jabatan Pendidikan Teknik & Vokasional
UTM	:	Universiti Teknologi Malaysia
SPSS	:	Statistical Packages for Social Sciences
IK	:	Isi Kandungan
KA	:	Kesesuaian Aktiviti
KBL	:	Kebolehlaksanaan
MS	:	Mesra Pengguna
I	:	Interview
R	:	Responden
Q	:	Question

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Borang Soal Selidik	74
Lampiran B	Hasil Kajian Rintis	81
Lampiran C	Analisis Data (skor min)	87
Lampiran D	Analisis Data (ujian t)	89
Lampiran E	Data Temubual	93
Lampiran F	Senarai Nama Pensyarah	94
Lampiran G	Produk	95



PTAA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Selaras dengan agenda negara untuk mencapai Wawasan 2020, peranan pendidikan dalam merealisasikan perubahan serta pencapaian Malaysia menjadi sebuah negara maju merupakan agenda yang begitu mencabar dan kritikal. Begitu juga dengan corak pendidikan di Malaysia pada masa kini sedang berkembang dengan pesatnya. Proses perkembangan ini selaras dengan arus perkembangan pendidikan dunia sejagat. Pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran diketengahkan dari pelbagai peringkat pengajian iaitu dari peringkat pra persekolahan sehinggalah kepada institusi pengajian tinggi.

Kewujudan universiti ialah untuk menyokong proses pengajaran dan pembelajaran melalui satu usaha untuk membangunkan pengetahuan baru melalui penyelidikan yang dijalankan serta kemajuan budaya manusia pada hari ini. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) sebagai salah sebuah universiti yang baru dalam menuju era kecemerlangan, seharusnya menyusun strategi yang mantap dan tersusun dalam usaha untuk mewujudkan satu budaya pembelajaran dan penyelidikan yang mantap serta berterusan. Pelbagai kaedah baru diperkenalkan bagi memperkembangkan lagi sistem dan kaedah yang sedia ada. Proses pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan adalah suatu proses yang berterusan dan kompleks bagi universiti dan ia memerlukan perancangan yang rapi dan kaedah yang pelbagai .

1.2 Latar Belakang Masalah

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) merupakan salah satu daripada beberapa buah universiti di Malaysia yang baru dinaik taraf sebagai universiti berkuatkuasa 30 September 2000.

(Sumber : www.kuittho.edu.my/mak.sej.htm)

Seperti yang kita sedia maklum, setiap universiti mempunyai misi dan juga objektifnya yang tersendiri. Misi KUiTTHO ialah:

" Untuk melahir dan melatih ahli Teknologi dan Profesional yang kreatif, inovatif, kompeten dan bertanggungjawab serta mampu mengaplikasi, meneroka dan meneraju Teknologi Baru melalui pengajaran dan penyelidikan bertaraf dunia yang bertunjangkan konsep tauhid untuk kesejahteraan sejagat".

(Buku Panduan & Peraturan Kokurikulum).

Selain daripada itu, KUiTTHO juga telah menggariskan enam objektif utama supaya ia bergerak seiring dengan institusi pengajian tinggi yang lain. Dua daripada objektifnya ialah :

- i. Pertama, memastikan mutu pengajaran, pembelajaran dan peperiksaan sentiasa berada di tahap yang tinggi.
- ii. Kedua, melaksanakan usaha penyelidikan dan perundingan.

(Sumber : <http://www.kuittho.edu.my/mak.obj.htm>)

Dalam aspek penyelidikan dan perundingan ia merupakan satu matlamat penting bagi sesebuah universiti untuk menuju ke arah keberkesanan organisasi. Sebagai salah sebuah universiti yang baru, sudah tentu KUiTTHO masih lagi terdapat berbagai kekurangan dari segi infrastruktur dan juga perancangan strategi. Pelbagai aktiviti dalam perancangan strategi telah digubal bertujuan untuk memperkemaskan lagi sistem serta kaedah yang sedia ada untuk kecemerlangan penyelidikan. Namun begitu, universiti masih lagi memerlukan berbagai sokongan

terutamanya sokongan sumber - sumber pengajaran dan pembelajaran dalam usaha untuk meningkatkan usaha penyelidikan.

Di samping itu, ia juga dapat memantapkan mutu pengajaran dan pembelajaran supaya sentiasa berada di tahap yang tinggi. Sehubungan dengan itu, di antara sumber-sumber pembelajaran yang dapat memberi input yang baik dalam mencapai objektif universiti ialah dengan memperkenalkan pembelajaran secara modul. Ini adalah kerana bahan-bahan sokongan lain selain daripada buku-buku berkurangan khususnya untuk bidang penyelidikan. Justeru itu, pembelajaran secara modul adalah salah satu daripada alternatif yang boleh diambil dalam memaksimumkan bahan-bahan rujukan khususnya untuk Pembangunan Kemahiran Dalam Penyelidikan.

Terdapat pelbagai kaedah yang dapat digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Cara yang terbaru kini adalah pembelajaran berasaskan internet atau teknologi maklumat. Memandangkan ianya suatu bidang baru dan pemilikan komputer di kalangan penduduk di negara ini masih lagi pada tahap yang rendah, maka pemerolehan ilmu daripada kaedah ini hanya tertumpu kepada individu yang berkemampuan sahaja. Justeru itu antara kaedah lain yang telah lama diperkenalkan tetapi kurang diambil perhatian oleh pendidik masa kini ialah pengajaran dan pembelajaran berasaskan Modul Pembelajaran Kadar Kendiri (MPKK) dalam bentuk bahan bercetak. Dalam MPKK, bahan pengajaran yang digunakan mestilah mempunyai ciri-ciri tertentu untuk menggerakkan pelajar melibatkan diri secara aktif. Penggunaan modul dalam proses pengajaran dan pembelajaran bukanlah suatu perkara baru, tetapi proses ini telah lama dipraktikkan khususnya di institusi pengajian tinggi. MPKK adalah satu bahan pengajaran yang menitik beratkan pembelajaran secara individu yang mengambil kira perbezaan latar belakang, minat, gaya belajar dan sebagainya (Yusof , 2000).

1.3 Pernyataan Masalah

Jika dilihat senario pendidikan masa kini, penggunaan komputer dan bahan P&P berasaskan teknologi *web* atau cakera padat adalah tinggi. Ini berlaku bukan sahaja di institusi pengajian tinggi tetapi di peringkat persekolahan juga. Walaupun begitu ada kalanya penggunaan komputer adalah terhad dan kurang efisien untuk digunakan pada bila-bila masa yang diperlukan. Ada kalanya bekalan elektrik terputus dan masalah-masalah teknikal yang berkaitan dengan komputer. Inilah yang sering dihadapi oleh pelajar-pelajar KUiTTTHO, maka MPKK Pembangunan Kemahiran Dalam Penyelidikan boleh menjadi satu bahan yang mampu mengatasi masalah tersebut.

Menyedari kepentingan MPKK Pembangunan Kemahiran Dalam Penyelidikan ini dalam usaha untuk membudayakan penyelidikan di KUiTTTHO, ianya mendorong pengkaji untuk membangunkan satu modul seterusnya menilai sejauh manakah modul ini dapat membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran dari segi empat aspek iaitu kesesuaian isi kandungan, kesesuaian aktiviti, kebolehlaksanaan dan mesra pengguna.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian yang dikemukakan, beberapa persoalan kajian berikut diharap dapat dijawab melalui kajian ini.

- i. Sejauh manakah isi kandungan dalam MPKK dapat memenuhi keperluan modul?
- ii. Sejauh manakah aktiviti yang terdapat di dalam MPKK dapat membantu pensyarah dan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran?
- iii. Sejauh manakah MPKK yang dihasilkan bersifat kebolehlaksanaan dalam membantu proses pengajaran dan pembelajaran?

- iv. Sejauh manakah MPKK yang dihasilkan mempunyai ciri-ciri mesra pengguna dalam meningkatkan lagi penggunaan modul?

1.5 Hipotesis Kajian

Berdasarkan kepada persoalan kajian di atas, empat hipotesis telah dibina :

- i. Ho : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pensyarah dan pelajar terhadap penilaian isi kandungan dalam MPKK.
- ii. Ho : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pensyarah dan pelajar terhadap penilaian aktiviti dalam MPKK.
- iii. Ho : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pensyarah dan pelajar terhadap penilaian kebolehlaksanaan MPKK.
- iv. Ho : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pensyarah dan pelajar terhadap penilaian ciri-ciri mesra pengguna dalam MPKK.


1.6 Objektif Kajian

Antara objektif yang akan dicapai dalam kajian ini ialah :

- i. Menilai sama ada isi kandungan dalam modul dapat memenuhi keperluan MPKK.
- ii. Menilai sama ada aktiviti yang terdapat di dalam MPKK dapat membantu pensyarah dan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran.

- iii. Menilai sama ada MPKK yang dihasilkan bersifat kebolehlaksanaan dalam membantu proses pengajaran dan pembelajaran.
- iv. Menilai sama ada MPKK ini mempunyai ciri-ciri mesra pengguna dalam meningkatkan penggunaan modul dalam pengajaran dan pembelajaran.
- v. Memberi cadangan kepada KUiTTHO supaya meningkatkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran melalui pelbagai media.

1.7 Kerangka Teori



Rajah 1.1 : Kerangka Teori

Berdasarkan kepada kerangka teori di atas, penilaian terhadap MPKK yang dihasilkan akan dinilai oleh pensyarah yang terlibat dalam menyelia projek sarjana serta pelajar - pelajar semester 3 yang telah mengambil subjek Kaedah dan Pembangunan Penyelidikan. Penilaian ini adalah berdasarkan kepada empat skop iaitu kesesuaian isi kandungan, kesesuaian aktiviti yang terdapat dalam MPKK, kebolehlaksanaan MPKK dalam meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran seterusnya melihat sama ada MPKK ini mempunyai ciri-ciri mesra pengguna. Hasil daripada penilaian tersebut menunjukkan bahawa MPKK yang dihasilkan ini sesuai

atau tidak digunakan sebagai salah satu bahan sokongan untuk pengajaran dan pembelajaran khususnya bagi Pembangunan Kemahiran Dalam Penyelidikan.

1.8 Kepentingan Kajian

- i. Memperkenalkan pembelajaran secara bermodul khususnya dalam Kaedah Penyelidikan bagi mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran.
- ii. Kajian ini melibatkan penggunaan sampel yang lebih luas di mana ia melibatkan pensyarah-pensyarah yang menyelia projek sarjana dan juga pelajar-pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) semester 3.
- iii. Dengan terhasilnya MPKK ini nanti diharapkan dapat membantu pensyarah-pensyarah dan pelajar - pelajar di KUiTTTHO dalam mempelbagaikan teknik pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam bidang penyelidikan.
- iv. Penghasilan MPKK ini sebagai rujukan kepada individu yang baru menerokai bidang penyelidikan, manakala sebagai bacaan tambahan ataupun sokongan kepada individu yang sudah lama berkecimpung dalam bidang penyelidikan ini.

1.9 Skop Kajian

Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada pembangunan MPKK serta penilaian ke atas MPKK tersebut dengan memilih pensyarah - pensyarah yang menyelia projek sarjana PTV yang dipilih secara rawak serta pelajar-pelajar Sarjana PTV semester 3 sebagai responden dalam kajian ini. Penghasilan MPKK Pembangunan Kemahiran Dalam Penyelidikan ini memberi tumpuan kepada komponen utama dalam proses menjalankan penyelidikan atau dengan kata lain, sebagai pengetahuan asas dalam bidang penyelidikan.

1.10 Batasan Kajian

- i. Kajian ini adalah berdasarkan kepada persepsi pensyarah dan pelajar sahaja.
- ii. Dilaksanakan dalam kekangan masa dan kewangan.
- iii. Ketepatan kajian ini bergantung kepada keterbukaan responden dalam menjawab soal selidik secara ikhlas.

1.11 Definisi Istilah dan Pengoperasian

1.11.1 Modul

Kamus Dewan (2000), mendefinisikan modul sebagai satu kursus pelajaran (latihan) yang dapat dilaksanakan secara tersendiri ke arah pencapaian sesuatu kelayakan atau kemahiran.

Meyer (1988), membuat tafsiran bahawa modul adalah sumber pembelajaran yang spesifik. Suatu modul adalah lengkap, terangkum kandungannya, mempunyai pakej-pakej arahan yang tersendiri di mana kemajuan pembelajaran ditentukan oleh setiap individu pelajar itu sendiri mengikut keperluan dan kebolehan masing-masing.

1.11.2 Pengajaran

Menurut Farrant (1985), pengajaran bermaksud satu proses yang membantu pelajar memperoleh kemahiran, pengetahuan dan sikap yang telah ditetapkan. Pengajaran moden berpusatkan pelajar dengan menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai.

1.11.3 Pembelajaran

Pembelajaran pula adalah perkataan nama yang terbit daripada perkataan belajar. Apabila disebut belajar, lazimnya terdapat gambaran mengenai sebuah bilik darjah yang diisi dengan pelajar-pelajar dan segala kelengkapan bilik darjah dan terdapat guru yang menyampaikan pengetahuan kepada pelajar-pelajar. Pendek kata perkataan pelajar dan pembelajaran lazimnya dihubungkan dengan aktiviti-aktiviti mereka ataupun aktiviti-aktiviti yang berbentuk akademik (Abu Zahari, 1998 dalam Isnawarni, Ramli dan Rizan, 1999).


1.11.4 Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)

Satu proses memperolehi kemahiran dan pengetahuan yang membolehkan perubahan sikap atau tingkah laku kesan daripada pengalaman dan latihan yang diterima (Farrant, 1985 dan Ee Ah Meng, 1998).

1.11.5 Modul Pembelajaran Kadar Kendiri (MPKK)

Menurut Kamus Dewan (2000), kadar membawa maksud daya, kemampuan atau keupayaan seseorang. Oleh itu kadar kendiri di sini bermaksud pembelajaran ditentukan oleh setiap individu pelajar tersebut mengikut keperluan dan kebolehan masing-masing.

Bagi tujuan kajian ini, MPKK adalah satu modul pembelajaran yang mana proses pembelajaran ditentukan oleh setiap individu pelajar tersebut mengikut keperluan dan kebolehan masing-masing (Shaharom dan Yap, 1993).



- _____ (1984) *Modules On Developing Skills In Technician Education Research*. Colombo Plan Staf College For Technician Education; Singapore
- Azrina bt Baharim (2000). *Modul Pembelajaran Kendiri bertajuk Struktur Asas bagi mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam Tingkatan 4 Sek. Men. Teknik*. Universiti Teknologi Malaysia : Projek Sarjana Muda.
- Meyer G.Rex (1988). *Modules From Design To Implementation* . Philipines : College For Technician Education.
- Mohd. Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* . Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan* . Johor : Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Sheffie Abu Bakar (1991). *Metodologi Pendidikan*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Yusof b. Sermaet (2000). *Penilaian Keberkesanan Modul Pembelajaran Kendiri 2(Lukisan Hampan) Sebagai Bahan Pengajaran dan pembelajaran satu tinjauan* . Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda

Murugadas A/L Ramdas @ Chelamuthu (2001). *Penghasilan dan Penilaian Modul Pembelajaran kadar Kendiri (MPKK) bagi meningkatkan Penggunaan Statistik Dalam Penyelidikan di kalangan pensyarah di JPTV KUiTTHO* . Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Projek Sarjana.

Paul D. Leedy. (1989). *Practical Research Planning and Design*; New York: Macmillan Publishing Company.

Shaharom Noordin dan Yap Kueh Chin (1991). Pengajaran bermodul : satu pengenalan. *Buletin Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia* : Jilid 3; ms 102.

Wiersma, W.(2000). *Research in Education : An Introduction*. Massachuchets : Allyn & Bacon

[http : // members. tripod. com / ~SHAFFE / research 1. htm.](http://members.tripod.com/~SHAFFE/research1.htm)



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH